

NITROGLYCERIN 0.5MG SUBLINGUAL TABLET

Glyceryl Trinitrate 0.5mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nitroglycerin
2. Bagaimana Nitroglycerin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nitroglycerin
4. Cara menggunakan Nitroglycerin
5. Semasa menggunakan Nitroglycerin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nitroglycerin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Nitroglycerin

Nitroglycerin digunakan untuk:

- Meningkatkan pengaliran darah ke jantung
- Mencegah sakit dada yang disebabkan oleh kekejangan otot jantung (angina pectoris)

Bagaimana Nitroglycerin berfungsi

Nitroglycerin mengandungi 0.5mg glyceryl trinitrate. Ia melegakan otot sekitar saluran darah (arteri dan vena) dan jadi membantu lebih banyak darah dan oksigen dihantar ke jantung.

Sebelum menggunakan Nitroglycerin

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Nitroglycerin jika:

- Anda hipersensitif terhadap nitrates dan kandungan lain dalam tablet.
- Anda tidak berintoleransi dengan gula galaktosa, kekurangan sejenis enzim dipanggil Lapp laktosa atau malabsorpsi glukosa-galaktosa
- Anda menghidapi anemia
- Anda mempunyai tekanan otak tinggi yang disebabkan trauma kepala, pendarahan di dalam otak
- Anda menghidapi glaucoma sudut tertutup (sejenis masalah mata)
- Anda mempunyai tekanan darah tinggi, hypovolaemia (isipadu darah rendah),

- Anda mempunyai masalah jantung
- Anda sedang mengambil ubat untuk mati pucuk seperti sildenafil, tadalafil, atau vardenafil.

Sebelum mula menggunakan Nitroglycerin

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- Alergik terhadap mana-mana ubat-ubatan, pewarna dan makanan
- Mempunyai masalah hati atau buah pinggang yang teruk
- Mempunyai *hypothyroidism* (masalah kelenjar tiroid kurang aktif)
- Mempunyai suhu badan rendah (hipotermia)
- Mengalami serangan jantung baru-baru ini
- Kurang nutrisi yang disebabkan oleh diet tidak seimbang atau masalah penghadaman (malnutrisi)

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi, terutamanya:

- Sildenafil, tadalafil atau vardenafil yang digunakan untuk rawatan mati pucuk
- Ubat-ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi
- Heparin, ubat yang digunakan untuk mencairkan darah
- Ubat-ubat seperti Apomorphine yang digunakan untuk merawat penyakit Parkinson

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda kerana mereka mempunyai senarai ubat yang lebih lengkap dan terperinci.

Cara menggunakan Nitroglycerin

Berapa banyak harus digunakan

1-2 tablet (0.5-1.0mg) harus diletakkan di bawah lidah dan biarkan ia meresap perlahan-lahan; dos ini seharusnya

diulangi sekiranya diperlukan. Jika kesakitan berterusan selepas keseluruhan 3 dos dalam 15 minit, pesakit sepatutnya mendapatkan rawatan dengan segera.

Doktor anda akan mengubak dos mengikut keadaan anda dan keterukan kesakitan angina.

Bila perlu digunakan

Ambil 1-2 tablets sekiranya kesakitan terasa atau ambil ubat ini dengan mengikut arahan doktor. Jangan ambil Nitroglycerin lebih daripada dos yang disyorkan.

Berapa lama perlu digunakan

Selepas mengambil Nitroglycerin, anda sepatutnya akan berasa lega dari kesakitan atau ketidakselesaan jantung dalam 2-3 minit dan ia akan berlangsung selama 30-60 minit.

Hanya berhenti mengambil ubat ini atas nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Toleransi mungkin akan dikembangkan dengan penggunaan setiap hari. Doktor anda mungkin menasihatkan anda untuk berhenti ubat ini selama seminggu untuk mewujudkan semula sensitiviti asal.

Jika terlupa menggunakan

Nitroglycerin hanya diambil apabila diperlukan, anda tidak perlu mengikut jadual pengambilan dos. Jika anda menggunakan ubat ini secara berkala, gunakan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Gunakan ubat tersebut mengikut jadual pengambilan seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom terlebih dos termasuk muntah, kegelisahan, tekanan darah rendah, pengsan, *cyanosis* (kebiruan pada kulit), *methaemoglobinaemia* (gangguan darah yang akan mengakibatkan kekurangan bekalan oksigen ke tisu-tisu), kesukaran bernafas, *hypoxia* (kekurangan oksigen dalam tisu-tisu badan), kadar denyutan jantung yang perlahan dan gangguan mental.

Semasa menggunakan Nitroglycerin

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa bawa Nitroglycerin tablet bersama anda. Beritahu doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Nitroglycerin sebelum memulakan pengambilan ubat yang lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung atau menyusukan bayi.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan Nitroglycerin atau menukar dos tanpa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun mereka menghadapi simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Nitroglycerin akan menyebabkan pening, sila pastikan anda tidak mengalami kesan ini sebelum memandu atau menggunakan jentera. Pengambilan alkohol akan meningkatkan kesan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Nitroglycerin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan yang biasa adalah sakit kepala yang keterlaluan, muka kemerah-merahan, rasa terbakar, pening, lemah dan takikardia (denyutan jantung yang pantas), hipotensi postur (tekanan darah menurun apabila berdiri).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Nitroglycerin

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat terlindung dari cahaya dan kering. Tablet harus disimpan di dalam bekas asal dan ditutup dengan ketat.

Buangkan tablet 8 minggu selepas kali pertama botol dibuka.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Nitroglycerin merupakan tablet yang digunakan di bawah lidah. Tablet ini berwarna putih, berbentuk bulat dan dwicembung.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Setiap tablet mengandungi 0.5mg glyceryl trinitrate.
- Bahan tidak aktif
Ethanol 95%, purified water, microcrystalling cellulose, lactose, magnesium stearate.

Nombor MAL

MAL10120035AZ

Pengilang

Beijing Yimin Pharmaceutical Co., Ltd
No.14, Light South Street, Shunyi District, Beijing (Yongjun Rd. N, Shunyi District, Beijing)

Pemegang Pendaftaran Produk

MILRIN PHARMACEUTICAL CO.
(M) SDN. BHD.
125L, 5th Floor, Wisma Getah,
Macalister Road, 10400 Penang,
Malaysia.
Tel: 04-2286042, 2286741, 2288644
Fax: 04-2280757

Tarikh kemaskini RiMUP

14/7/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)270515/00127